

- 1 Penyataan manakah yang betul tentang pilihan?
A Isi rumah memilih produk pilihan yang terbaik
B Ketiga unit ekonomi mempunyai objektif pilihan yang sama
C Firma terpaksa memilih output yang dapat meminimumkan kos
D Kerajaan memilih barang yang memberikan kebajikan kepada rakyat

- 2 Encik Rosman adalah pemilik Syarikat Jalur Emas.
Beliau terpaksa memilih antara dua produk A dan produk B.
Mengapakah Encik Rosman terpaksa membuat pilihan?
A Tidak dapat memilih produk A dan produk B secara serentak
B Kekurangan sumber ekonomi untuk mengeluarkan kedua-duanya
C Mendapati kos lepasnya ialah produk kedua yang terpaksa dilepaskan
D Terpaksa membuat pilihan barang terbaik yang dapat maksimum untung

- 3 Penyataan manakah betul tentang keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)?
A Pembaziran berlaku pada titik di luar keluk
B Sumber ekonomi yang digunakan tidak terhad
C Ekonomi tidak berupaya mencapai titik di luar keluk
D Keluk menerangkan perkaitan kekurangan dan pilihan


- 4 Syarikat Reza Sdn Bhd mempunyai pekerja seramai 10 orang telah mengeluarkan 1000 paket laksa kering setiap hari.
Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut?
A Apa yang hendak dikeluarkan
B Berapa yang hendak dikeluarkan
C Bagaimana hendak dikeluarkan
D Untuk siapa hendak dikeluarkan

- 5 Maklumat di bawah menunjukkan hubungan antara dua barang.

Apabila harga barang X meningkat, kuantiti permintaan barang Y jatuh.

Penyataan yang manakah betul?

- A Barang X dan barang Y ialah barang pengganti
 - B Barang X dan barang Y ialah barang penggenap
 - C Contoh barang X ialah kopi dan barang Y ialah teh
 - D Harga barang X berubah secara langsung dengan kuantiti barang Y
- 6 Rajah 1 menunjukkan perubahan keluk permintaan suatu barang.




Rajah 1

Apakah yang menyebabkan keluk permintaan beralih dari D₀D₀ ke D₁D₁?

- A Peningkatan teknologi
- B Kerajaan menurunkan cukai barangan
- C Peningkatan harga faktor pengeluaran
- D Harga dijangkakan jatuh bulan hadapan

- 7 Berdasarkan konsep penawaran, apakah yang akan berlaku apabila harga sesuatu barang turun?
- A Penguncupan penawaran
 - B Pengembangan penawaran
 - C Keluk penawaran beralih ke kiri
 - D Keluk penawaran beralih ke kanan
- 8 Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan peralihan keluk penawaran ke kiri?
- A Kerajaan memberi subsidi
 - B Kenaikan harga barang itu
 - C Harga barang dijangka naik
 - D Kos pengeluaran menurun
- 9 Rajah 2 menunjukkan perubahan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Rajah 2

Apakah yang terjadi jika berlaku peralihan keluk permintaan?

- A Harga keseimbangan meningkat
- B Harga keseimbangan akan menurun
- C Kuantiti keseimbangan tidak berubah
- D Wujud lebih penawaran dalam pasaran

- 10 Jadual 1 berkaitan dengan permintaan suatu majalah.


Harga(RM)	Kuantiti diminta (unit)
20	60
16	X

Jadual 1

Sekiranya harga telah jatuh dan nilai keanjalan harga permintaan ialah 1.5, berapakah nilai X?

- A 55
 - B 65
 - C 72
 - D 78
- 11 Suatu barang cenderung menjadi tak anjal harga permintaan jika barang tersebut
- A merupakan barang tidak tahan lama
 - B mempunyai banyak pengganti
 - C ada banyak kegunaan
 - D ialah barang mewah

12 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran Barang Y.




Rajah 3

Berapakah nilai keanjalan penawaran barang Y?

- A 0.30
- B 0.50
- C 1.00
- D 3.00

13 Rajah 4 menunjukkan antara fungsi bank pusat di Malaysia.



Rajah 4

Apakah fungsi X?

- A Menjaga rizab berkanun
- B Mentadbir akaun negara
- C Mengawal kestabilan mata wang
- D Memberi pendahuluan sementara

14 Pilih padanan yang betul.

	Akaun Simpanan	Akaun Simpanan Tetap
A	Dibayar faedah lebih tinggi	Dibayar faedah lebih rendah
B	Jumlah simpanan permulaan lebih rendah	Jumlah simpanan permulaan lebih tinggi
C	Pemegang akaun diberi sijil simpanan	Pemegang akaun diberi buku simpanan
D	Simpanan mempunyai tempoh masa tertentu	Simpanan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa

15 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjaya keluarga Encik Yusof.

- Encik Yusof mengusahakan perniagaan batik warisan keluarganya.
- Isterinya merupakan pesara kerajaan.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh mereka?

I Upah

II Faedah

III Untung

IV Bayaran pindahan


A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

16 Rumus berikut berkaitan dengan pendapatan boleh guna.



Apakah **R** dan **Q** ?

	R	Q
A	Bayaran pindahan	Premium insurans
B	Bayaran zakat	Simpanan di bank
C	Caruman KWSP	Bayaran Utiliti
D	Simpanan tetap	Cukai pendapatan

- 17 Situasi yang manakah berkaitan dengan kepentingan belanjawan peribadi.
- A Puan Siti meningkatkan pemberian wang belanja harian anaknya
 - B Cik Kamilia mengutamakan kehendaknya dalam membeli barang
 - C Encik Haris menggalakkan anak-anaknya menyimpan untuk masa depan
 - D Puan Laila selalu membuat pembelian barang secara hutang berbanding tunai
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah kos yang ditanggung untuk mengeluarkan 40 pasang kasut ialah RM8 000. Apabila firma menambahkan 43 pasang kasut, kos pengeluaran meningkat sebanyak 10%.

Berapakah kos marginal firma tersebut?

- A 200.00
- B 204.65
- C 220.00
- D 266.67

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran Syarikat Mirra Jaya.

Syarikat Mirra Jaya menanggung kos tetap sebanyak RM60 dan kos berubah ialah RM50 bagi mengeluarkan 20 batang pen.

Berapakah kos purata firma tersebut?

- A RM2.50
- B RM3.00
- C RM5.00
- D RM5.50

- 20 Maklumat berikut mengenai kos pengeluaran Roti Canai Arif dalam tempoh sebulan.

Kos bahan mentah : RM500
Upah pekerja : RM600

Jika Arif berjaya menjual sebanyak 4 500 keping pada harga RM1.50 sekeping, berapakah untung yang diperoleh dalam tempoh tersebut?

- A RM5 100.00
- B RM5 650.00
- C RM6 250.00
- D RM6 750.00

- 21 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti?

- I Meningkatkan pemasaran ke luar negara
- II Mempelbagaikan pilihan pengguna
- III Penyelenggaraan mesin berkala
- IV Penggunaan teknologi canggih

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Maklumat berikut berkaitan dengan pembinaan kilang di Malaysia.

Kellogg buka kilang di Bandar Enstek

Nilai: Kellogg Company, pengeluar terbesar bijirin sarapan dunia dan pengeluar kedua terbesar snek, biskut dan keropok, mengumumkan pelaburan mencecah RM428.2 juta bagi pembangunan kilang pertama di negara ini.

Antara berikut, yang manakah benar tentang faedah sosial daripada aktiviti di atas?

- I Aktiviti ekonomi setempat meningkat
 - II Peningkatan peluang pekerjaan di kilang tersebut
 - III Pengguna di bandar Enstek mudah mendapat bekalan produk
 - IV Berlaku peningkatan dalam harga hartanah di kawasan tersebut
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Antara yang berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?

- I Menetapkan dasar harga minimum
- II Menentukan penempatan perindustrian
- III Memantau aktiviti pengeluaran firma oleh agensi kerajaan
- IV Mengisytiharkan sesetengah barang pengguna sebagai barang kawalan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 24 Pernyataan yang manakah merupakan kesan positif inflasi sederhana?
- A Tabungan bertambah
 - B Pendapatan benar naik
 - C Guna tenaga meningkat
 - D Lebihan Imbangan pembayaran
- 25 Gambar 1 berkaitan dengan sejenis pengangguran.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan pengangguran di atas?

- A Bersifat jangka panjang
- B Mengutamakan gaji tinggi
- C Semasa kemelesetan ekonomi
- D Intensif modal dalam pengeluaran

26 Gambar 2 berkaitan hasil kerajaan.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah betul?





- A Contoh lain ialah duti setem
- B Sumbangan terbesar hasil kerajaan
- C Bebanan boleh dipindah kepada pihak lain
- D Merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat

27 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan?


- I Bertujuan untuk meningkatkan pembentukan modal tetap negara
 - II Contoh perbelanjaan yang terlibat ialah keselamatan dan pentadbiran am
 - III Merupakan perbelanjaan semasa kerajaan yang berulang ulang setiap tahun
 - IV Membolehkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan beroperasi dengan lancar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

28. Mengapakah bank pusat akan meningkatkan kadar faedah untuk mengekang masalah inflasi?
- A. Perbelanjaan pengguna ke atas barang mewah meningkat
 - B. Perbelanjaan pengguna ke atas pembelian kredit meningkat
 - C. Perbelanjaan pengguna untuk membayar balik pinjaman berkurang
 - D. Perbelanjaan agregat pengguna dalam ekonomi semakin berkurang
29. Apakah kesan negatif daripada wujudnya pelaburan langsung asing di Malaysia?
- A. Syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
 - B. Penderiaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal
 - C. Imbangan pembayaran dalam negara semakin meningkat
 - D. Negara mudah mengawal aliran keluar untung
30. Apakah tujuan utama kerajaan melaksanakan sekatan bukan ekonomi dalam perdagangan antarabangsa?
- A. Meningkatkan sumber hasil negara
 - B. Mengehadkan pembelian pertukaran asing
 - C. Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia
 - D. Menggalakkan perkembangan industri penggantian import negara

- 31 Pernyataan yang manakah menunjukkan kesan pelaksanaan kuota dalam perdagangan antarabangsa terhadap keseimbangan pasaran suatu barang?



- 32 Antara yang berikut, yang manakah merupakan komponen akaun semasa?
- I Akaun modal
 - II Akaun kewangan
 - III Akaun perkhidmatan
 - IV Akaun pendapatan primer
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 33 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).



The image shows a currency converter interface. On the left, there is a box containing the Malaysian flag, the value '1.00', and the text 'Ringgit Malaysia (MYR)'. Below this is a button labeled 'Menukar'. On the right, there is a box containing the Singaporean flag, the value '0.30', and the text 'Dolar Singapura (SGD)'. Below the Singaporean box is the text 'Negara-negara lain dan mata wang'. In the center, between the two boxes, is the text '<== Swap mata wang ==>'. The entire interface is enclosed in a black rectangular border.

Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia yang diperlukan seorang mahasiswa universiti tempatan yang ingin membeli sebuah buku terbitan syarikat Singapura berharga SGD1200 melalui sebuah portal atas talian?

- A RM360.00
- B RM1200.00
- C RM3000.00
- D RM4000.00

- 34 Apakah kesan terhadap eksport Malaysia jika berlaku kenaikan kadar pertukaran asing?
- A Pengimport terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi
 - B Pengeksport Malaysia akan menambahkan pengeluarannya
 - C Permintaan barang buatan Malaysia akan meningkat
 - D Harga barang eksport menjadi lebih murah

Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Modal adalah alat ciptaan manusia untuk kegunaan pengeluaran
II Tanah merupakan faktor pengeluaran yang tidak terhad
- 36 I Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
II Hukum permintaan menyatakan hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah songsang
- 37 I Barang keperluan tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan
II Barang keperluan tiada barang pengganti yang hampir
- 38 I Input tetap dan input berubah wujud dalam pengeluaran jangka pendek
II Tingkat teknologi adalah tetap dalam pengeluaran jangka panjang
- 39 I Kerajaan akan menggunakan dasar fiskal mengembang untuk mengatasi inflasi
II Dasar fiskal mengembang ialah kerajaan menaikkan kadar cukai
- 40 I Perdagangan antarabangsa mewujudkan persaingan antara pengeluar dan barang yang dihasilkan oleh sesebuah negara
II Pesaingan dalam pasaran dunia akan mengurangkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sesebuah ekonomi

KERTAS TAMAT

SULIT